

NO SOALAN :66

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

**DARIPADA : Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH
(KUANTAN)**
PERTANYAAN : LISAN
TARIKH : 04.04.2018

Y.B. PUAN HAJAH FUZIAH BINTI SALLEH [KUANTAN] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan apakah kegagalan yang dikatakan oleh Perdana Menteri dalam syarikat 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang perlu dirisaukan dan bagaimana Kerajaan menangani kegagalan ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kegagalan yang dimaksudkan oleh YAB Menteri Kewangan adalah sepetimana yang telah diperincikan di dalam laporan Jawatankuasa Kira-Kira Wang Negara (PAC) mengenai Kawalan Pengurusan Tadbir Urus 1Malaysia Development Bhd (Laporan PAC) seperti kelemahan

149
tadbir urus, kelemahan model perniagaan dan ketidaksesuaian model pembiayaan syarikat yang mengutamakan penggunaan hutang. Di samping itu, 1MDB juga menghadapi isu ketidakseimbangan aliran tunai apabila penyenaraian saham (*initial public offering* atau *IPO*, dengan izin) syarikat Edra Bhd tidak dapat dilaksanakan.

YAB Menteri Kewangan mengakui akan kelemahan urus tadbir atau kegagalan di dalam 1MDB bukan sahaja semasa ucapan beliau di Invest Malaysia 2018 baru-baru ini tetapi juga di Invest Malaysia 2017 pada 25 Julai 2017. Semasa berucap di Invest Malaysia 2017, YAB Menteri Kewangan berkata beliau telah mengarahkan siasatan secara besar-besaran dijalankan terhadap 1MDB dan turut meminta supaya rasionalisasi dilakukan terhadap syarikat tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2015, Kementerian Kewangan selaku pemegang 100% kepentingan saham 1MDB melalui Menteri Kewangan Diperbadankan (MKD) telah mengambil langkah untuk menjalankan kajian strategik atau *strategic review* (dengan izin) dan seterusnya melaksanakan pelan rasionalisasi terhadap 1MDB.

Di samping itu, Kementerian Kewangan juga telah bersetuju untuk melaksanakan sepenuhnya cadangan yang telah dibuat oleh PAC. Ini termasuklah pelantikan Ahli Lembaga Pengarah (ALP) 1MDB yang baharu bagi menggantikan ALP terdahulu yang telah meletakkan jawatan. Penukaran lembaga pengarah ini mencerminkan hala tuju dan komitmen 1MDB dalam menjayakan pelan rasionalisasi untuk melunaskan komitmen kewangan syarikat.

MKD juga telah melaksanakan cadangan yang telah diusulkan oleh PAC bagi meminda Artikel Persatuan 1MDB yang berkuat kuasa pada 31 Mei 2016. Ini termasuk, antara lain, pembubaran Lembaga Penasihat 1MDB, pemansuhan Artikel 117 dan menukar segala rujukan daripada "Perdana Menteri" kepada "Menteri Kewangan".